



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/3/2013

# Mengurus wang negara secara bijak

UM-9/3/2013

Oleh  
**TUN DR.  
MAHATHIR  
MOHAMAD**



**S**AYA dijemput oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia untuk memberi syarahan berkenaan memperkasa ekonomi orang Islam. Saya bukanlah pakar dalam bidang ini tetapi mempunyai sedikit pengalaman berkenaan pengurusan kewangan negara pada masa dahulu. Oleh itu saya memberanikan diri untuk mengulas pengurusan wang negara.

Kita semua maklum bahawa di zaman ini terdapat beberapa negara Islam yang amat kaya kerana dikurmiakan oleh Allah SWT dengan minyak petrol yang begitu banyak.

Kerana mereka tidak cekap dan tidak berkebolehan dalam bidang industri, minyak ini dikeluarkan oleh orang asing. Mereka menilaikan minyak mentah yang dikeluarkan dengan nilai yang amat rendah iaitu hanya dua dolar Amerika setong. Kerajaan negara-negara Islam dibayar 10% royalti atau 20 sen setong bertahun-tahun. Syarikat-syarikat minyak asing yang besar bukan sahaja kaya tetapi secara tidak langsung berkuasa ke atas negara-negara minyak ini.

Demikianlah nasib orang yang tidak berilmu dan berpengalaman. Mudah

sekali mereka ditipu.

Jika tidak kerana marah terhadap penganiayaan orang Palestin oleh kuasa Barat, harga minyak yang rendah ini tentulah tidak berubah dan tidak mungkin negara Islam menjadi kaya.

Penubuhan OPEC (*Organisation of Petroleum Exporting Countries*) membolehkan negara anggota ugut menghentikan pengeluaran minyak sehinggalah harga minyak dinaikkan kepada 12 dolar Amerika dan royalti pun naik tinggi. Sejak itu harga minyak dinaikkan berkali-kali sehinggalah hari ini melebihi 100 dolar Amerika setong. Maka kaya tidak teringgalah negara pengeluar minyak Islam.

Malangnya mereka masih dapat diputar oleh negara-negara tertentu. Hasil yang begitu besar daripada jualan berjuta tong sehari, tidak mampu diurus oleh negara yang baru kaya ini. Mereka bersetuju jual beli minyak hendaklah dengan matawang Amerika. Dengan itu permintaan untuk matawang Amerika tetap berterusan. Nilai matawang Amerika tidak jatuh walaupun ia tidak bersandar kepada simpanan emas dan Amerika mengalami kemerosotan belanjawan dan dagangan.

Pendapatan negara minyak terus meningkat sehingga mereka tidak dapat belanja wang yang didapati walaupun setelah membeli senjata, pesawat terbang dan produk-produk mewah yang tidak perlu. Demikianlah peperangan Teluk oleh negara Barat juga dibiayai oleh negara Islam yang kaya.



Jikalau kita sanggup kerugian berbilion dolar kerana menyimpan wang di Amerika, tidak sanggupkah kita belanja sebahagian daripada wang ini untuk membekalkan negara-negara Islam yang miskin dan daif dengan bekalan air dan elektrik, jalan dan lain-lain?

Kerana tidak cekap melabur, lebih pendapatan yang berbilion dolar digunakan untuk membeli bon Amerika iaitu memberi pinjaman wang kepada Amerika Syarikat yang digunakan untuk membiayai dasar-dasar negara gergasi itu.

Negara-negara Islam ini mengalami kerugian besar apabila nilai dolar Amerika merosot. Umpamanya Malaysia dahulu menetapkan nilai satu dolar Amerika dalam matawang ringgit ialah 3.80 (tiga ringgit lapan puluh sen). Ini bermakna bon Amerika sebanyak 100 juta dolar dibeli oleh Malaysia dengan harga 380 juta ringgit. Apabila nilai dolar jatuh kepada 3.00 ringgit, jika ditebus balik kita akan dapati hanya 300 juta ringgit sahaja. Mujurlah kita tidak beli banyak bon Amerika. Sebaliknya kita simpan emas dan lain-lain matawang.

Demikian jugalah dengan wang petrol milik negara-negara Islam yang disimpan dengan pembelian dolar Amerika. Kerugian daripada beberapa trilion dolar simpanan negara Islam di Amerika Syarikat berjumlah ratusan bilion dolar. Selain itu inflasi menyebabkan wang yang ditebus balik tidak dapat membeli sebanyak dahulu. Dayabelinya sudah merosot. Sekali lagi kerugian besar ditanggung oleh negara yang menyimpan wang dengan membeli bon Amerika.

Sebaliknya jika wang daripada jualan minyak dilabur melalui pembelian harta seperti hotel, hartanah, syarikat industri dan khidmat yang terdapat di negara maju, nilai harta ini bukan sahaja

tidak merosot bahkan besar kemungkinan akan meningkat. Hartanah tetap meningkat nilainya dan jarang sekali turun. Jika turun pun, lambat laun akan naik semula.

Qatar nampaknya menggunakan cara ini dalam pengurusan berbilion dolar daripada jualan gasnya. Qatar telah membeli beratus hotel, syarikat dan industri di seluruh dunia.

Sebagai orang Islam kita disuruh mengeluarkan zakat, bersedekah, menderma dan bertimbangrasa terutamanya terhadap orang Islam yang daif. Walaupun terdapat banyak negara Islam yang kaya-raya, tetapi banyak lagi negara Islam yang amat miskin. Ramailah orang Islam yang amat miskin sehingga ramai yang mati kebuluran.

Kita dapati negara Islam yang miskin ini tidak mempunyai kemudahan infrastruktur barang sedikit pun. Tidak ada jalan, bekalan air, bekalan elektrik, sekolah, khidmat perubatan, kemudahan telekomunikasi dan bermacam lagi.

Jikalau kita sanggup kerugian berbilion dolar kerana menyimpan wang di Amerika, tidak sanggupkah kita belanja sebahagian daripada wang ini untuk membekalkan negara-negara Islam yang miskin dan daif dengan bekalan air dan elektrik, jalan dan lain-lain?

Hanya pembinaan kemudahan-kemudahan ini akan membantu rakyat miskin mendapat kerja dan upah, menjana perniagaan kecil dan besar, perniagaan pengangkutan dan seribu satu peluang mencari makan di negara miskin ini. Dengan bekalan khidmat

perubatan maka penduduk akan lebih sihat dan lebih bahagia hidup mereka.

Negara-negara bukan Islam yang miskin juga perlu mendapat bantuan dari negara Islam yang kaya. Jika kita ingat dan faham bahawa simpanan wang negara Islam di negara maju adalah sama seperti bantuan kepada negara-negara ini, dan mereka tidak pun terasa terhutang budi kepada negara Islam, bahkan menekan negara-negara Islam, tentulah bantuan kepada negara bukan Islam yang miskin akan lebih dihargai oleh mereka.

Perbuatan ini juga akan memberi gambaran yang baik terhadap agama Islam dan orang Islam. Walaupun mereka tidak memeluk agama Islam, sekurang-kurangnya mereka tidak akan bermusuhan dengan orang Islam dan menganggap mereka sebagai pengganas.

Di masa yang sama, negara Islam tidak akan menanggung kerugian daripada kemerosotan nilai dolar dan penurunan dayabeli matawang sendiri.

Sesungguhnya wang tidak bijak disimpan semuanya walaupun faedah (yang haram) diterima. Sebahagian perlu disimpan tetapi lebihan perlu dilabur dengan bijak untuk mendapat pulangan. Sebahagian lagi perlu disedekah dan diderma untuk kebajikan.

Dengan pengurusan wang yang bijak, besar kemungkinan negara-negara Islam yang miskin dapat dibangunkan dan orang Islam yang miskin dapat dikurangkan. Sekaligus imej Islam dapat diperbaiki.